

11/06/2000

Bersantai di celah balak dua pemeluk

Halmi Samad

PELUANG menginap di kamar hotel yang pernah didiami ketua atau pembesar negara ternama seperti Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela atau Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mungkin sukar diperoleh oleh seseorang.

Apatah lagi jika kamar itu berada di gigian pantai Pulau Langkawi yang sememangnya terkenal seantero dunia selaku antara pulau tercantik. Deruan ombak, kenyamanan angin dan ketenangan pasti membuatkan percutian anda lebih bermakna.

Mungkin ramai yang berimpian untuk berbuat demikian. Impian murni itu boleh direalisasikan di Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort. Terletak di Burau Bay dan hotel itu hanya kira-kira 15 minit daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi.

Bagaimanapun, untuk merealisasikan peluang menginap di kamar Presidential Suite yang pernah didiami Mandela atau Dr Mahathir, anda perlu membayar sekurang-kurangnya RM4,000 semalam.

Menurut Penolong Pengurus Perhubungan Awam Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort, Fathi Ahmad Shah, peluang seperti ini jarang ditawarkan oleh hotel atau resort lain di negara ini.

"Inilah tarikan utama hotel ini. Anda boleh berbangga kerana anda berpeluang dan mampu tidur di kamar Presidential Suite yang pernah didiami oleh Nelson atau Dr Mahathir.

"Sebenarnya, bukan semua orang berpeluang berbuat demikian. Inilah dikatakan peluang keemasan yang seharusnya menjadi kebanggaan sepanjang hidup," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Fathi berkata, konsep Presidential Suite atau executive (vila) di gigian pantai adalah senario biasa di St Lucia atau Mauritius yang digilai oleh pelancong asing.

Selain itu, beliau berkata, hotel berkenaan turut menyediakan kemudahan spa berdekatan anak bukit Gunung Raya yang menjadi satu gaya atau lambang kemewahan di kalangan rakyat Jepun.

"Spa ini adalah ilham Dr Mahathir ketika Perdana Menteri melawat Jepun suatu ketika dulu. Buat masa ini, spa ini adalah antara kemudahan yang jadi rebutan di kalangan pelancong asing.

"Malah, pada ketika waktu memuncak, pelancong perlu membuat tempahan awal, khususnya bagi spa wanita," katanya. Spa ialah tempat bersantai ala Jepun yang menggunakan air panas dan sejuk.

Difahamkan, faktor spa terbabit menjadi rebutan ialah kerana pengurusan hotel mengekalkan pokok balak. Malah, ada antara bumbung spa dibina di celah-celah balak yang sebesar dua pemeluk.

"Idea ini juga dicetuskan oleh Dr Mahathir. Menurutnya, lebih baik kita jangan tebang balak kerana bimbang ia akan dijadikan isu oleh aktivis alam sekitar asing," katanya.

Antara kemudahan yang disediakan di spa berkenaan ialah pencucian muka, kaki, tangan dan urut badan menggunakan bahan herbal. Kadar bayaran di antara RM55 dan RM238 mengikut jam perkhidmatan.

Di samping konsep lautan dan bukit, Fathi berkata, pihaknya turut menyediakan kemudahan kamar penginapan yang seolah-olah membuatkan seseorang itu tinggal di dalam hutan hujan Khatulistiwa tebal seluas 70 hektar itu.

Bagi jenis Superior Chalet, kadar sewaan ialah RM280, Deluxe (RM350), Junior Suite (RM800); Executive Suite (RM1,200) dan Presidential Suite

(RM4,000). Bagi yang menambah katil, mereka akan dikenakan bayaran tambahan RM50.

Fathi berkata, hotel itu menyediakan 400 bilik dan vila yang dilengkapi kemudahan hawa dingin, televisyen, radio, pengering rambut, talian IDD, balkoni khas dan peti keselamatan.

"Oleh kerana hotel ini sentiasa dikunjungi pelancong asing, kami turut menyediakan saluran CNN dan kemudahan bas 24 jam daripada bilik ke restoran, spa atau ke pantai," katanya.

Hotel berkenaan turut menyediakan 35 kemudahan lain, termasuk kedai bebas cukai bertaraf antarabangsa sesuai dengan status Pulau Langkawi. Katanya, ramai pelancong mengakui tertarik dengan kemudahan kereta keldai yang jarang disediakan di hotel atau resort lain di Malaysia.

Bagi mereka yang mahu mengadakan konvensyen, seminar atau mesyuarat, Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort menawarkan 12 bilik, termasuk Singa, Rebak, Lalang, Tuba, Gasing, Timun, Chorong dan Bunbun.

Peminat sukan air pula boleh menikmati 18 kemudahan termasuk luncur layar, berkenu, bot laju, jetski, berbasikal, memancing dan treking di dalam hutan dengan dikenakan bayaran di antara RM10 dan RM75.

Tempahan boleh dibuat di Aras 19, Menara Shahzan Insas, 30 Jalan Sultan Ismail, 50250, Kuala Lumpur atau telefon 03-2439611; bebas tol 1 800 88 3236 atau e-me:bhr@hr.berjaya.com.my; hompej: <http://www.berjayaresorts.com.my>.

Bagi yang mahu membuat tempahan di Langkawi, mereka boleh menelefon 04-959 1888 atau bebas tol: 1 800 88 8098.

(END)